



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2006**

**GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN ANUGERAH INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
19 MEI 2006**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon: 603-88881199
Fax : 603-88883721

Ruj. Kami : UPTM 159/43/1-2

Tarikh : 19 Mei 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2006**

**GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN ANUGERAH INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada agensi-agensi Kerajaan mengenai pelaksanaan program Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA). Pekeliling ini adalah untuk menggantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1991. **Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA)** di bawah Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2006 adalah seperti **di Lampiran**.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1991 bertajuk “Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam” telah diperkenalkan pada tahun 1991. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada individu, kumpulan dan agensi yang berjaya melaksanakan inovasi di agensi masing-masing.
3. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan terhadap tadbir urus memerlukan pekeliling ini dikaji semula agar ia terus kekal relevan. Justeru, Kerajaan telah mengkaji semula program Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam dan seterusnya memperkenalkan satu pekeliling baru iaitu Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2006 bertajuk **Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA)** untuk menggantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1991.

PENGGUNAAN GARIS PANDUAN

4. Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA) yang dilampirkan bersama pekeliling ini menerangkan perkara-perkara berikut:

- a. Definisi Inovasi;
- b. Objektif Anugerah;
- c. Hadiah;
- d. Syarat-syarat Penyertaan;

- e. Kriteria Penilaian Anugerah;
- f. Pembahagian Markah;
- g. Proses Penilaian; dan
- h. Tatacara Permohonan.

PEMAKAIAN

5. Semua agensi Kerajaan adalah dikehendaki mengguna pekeliling ini sebagai panduan dan rujukan untuk tujuan penyertaan dalam Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA).

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1991 bertajuk "Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam" bertarikh 1 April 1991 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Ketua Setiausaha Negara

(Lampiran kepada
Pekeliling Kemajuan
Pentadbiran Awam Bil.
1 Tahun 2006)

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2006**

**GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN
ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM**

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
I. TUJUAN	4
II. ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM	4
a. Definisi Inovasi	4
b. Objektif Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam	4
c. Hadiah Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam	5
d. Syarat-syarat Penyertaan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam	5
e. Kriteria Penilaian Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam	6
f. Pembahagian Markah Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam	7
g. Proses Penilaian Dan Pemilihan Penerima Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam	7
III. TATACARA PERMOHONAN	7

GARIS PANDUAN BAGI MELAKSANAKAN ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM

I. TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan agensi-agensi Kerajaan mengenai pelaksanaan program Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA). Pekeliling ini juga adalah untuk menggantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1991 bertajuk “Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam”.

II. ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM

a. Definisi Inovasi

2. Inovasi dalam Perkhidmatan Awam adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Pelaksanaan idea-idea ini akhirnya dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan serta memberi faedah kepada pelanggan.

3. Idea-idea ini boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

b. Objektif Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam

4. Objektif AIPA adalah untuk:

- i. Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh agensi Kerajaan;
- ii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan;

- iii. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah agensi lain; dan
- iv. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

c. Hadiah Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam

5. Pemenang-pemenang AIPA akan menerima pengiktirafan seperti berikut:

- i. Hadiah wang tunai sebanyak RM5,000.00;
- ii. Sijil penghargaan; dan
- iii. Inovasi yang dihasilkan akan disebar dalam laman web Kerajaan dan penerbitan-penerbitan Kerajaan.

d. Syarat-syarat Penyertaan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam

6. Syarat-syarat penyertaan AIPA adalah seperti berikut:

- i. Inovasi hendaklah dihasilkan oleh agensi, bahagian, seksyen atau unit sesebuah agensi;
- ii. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi;
- iii. Inovasi berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mengetengahkan pendekatan inovatif dalam penggunaan ICT dan pertama kali diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam adalah layak untuk menyertai AIPA;

iv. Inovasi-inovasi berikut tidak layak untuk menyertai AIPA:

- Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan atau R & D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
- Inovasi untuk tujuan komersial; dan
- Inovasi yang berusia melebihi tiga tahun dari tarikh ianya diperkenalkan.

v. Penyertaan dalam AIPA hendaklah melalui ketua agensi.

e. Kriteria Penilaian Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam

7. Kriteria yang digunakan dalam proses penilaian dan pemilihan AIPA adalah seperti berikut:

i. Kreativiti

Inovasi yang diperkenalkan hendaklah kreatif sama ada yang baru atau telah diadaptasi.

ii. Signifikan

Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat memberi faedah yang jelas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi.

iii. Efisien

Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat menyumbang kepada cara bekerja yang lebih cekap, cepat, tepat dan mudah.

iv. *Replicability*

Terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi dan pihak-pihak lain secara terus atau dengan diubahsuai mengikut keperluan.

v. Keberkesanan Kos

Terdapat bukti yang nyata inovasi dapat meningkatkan produktiviti hasil kerja organisasi dengan kos yang sama atau lebih rendah.

vi. Potensi Pelaksanaan

Terdapat bukti inovasi telah berjaya dilaksanakan sama ada secara penuh atau percubaan dan mencapai matlamat ianya diperkenalkan.

vii. Komitmen Pengurusan Atasan

Terdapat bukti yang jelas mengenai penglibatan kepimpinan dan sokongan pihak pengurusan atasan dalam menghasilkan inovasi.

f. **Pembahagian Markah Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam**

8. Pembahagian markah diberikan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

g. **Proses Penilaian Dan Pemilihan Penerima Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam**

9. Penilaian dan pemilihan penerima AIPA dibuat melalui beberapa peringkat seperti dijelaskan di **Lampiran B**

III. TATACARA PERMOHONAN

10. Agensi yang hendak menyertai AIPA hendaklah menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

a. Melengkapkan borang permohonan dengan ditandatangani oleh ketua agensi seperti dijelaskan di **Lampiran C**.

- b. Menyediakan laporan inovasi dalam Bahasa Melayu yang mengandungi perkara-perkara berikut:
- i. maklumat ringkas mengenai agensi, bahagian, seksyen atau unit yang memperkenalkan inovasi;
 - ii. penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya;
 - iii. penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan;
 - iv. masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan; dan
 - v. faedah-faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria yang ditetapkan di para 7.
- c. Mengemukakan borang permohonan bersama-sama laporan inovasi kepada urus setia AIPA seperti di bawah sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

Urus Setia Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Lampiran A

Pembahagian Markah Anugerah inovasi Perkhidmatan Awam

Kriteria	Markah
Kreativiti	25
Signifikan	20
Efisien	20
<i>Replicability</i>	20
Potensi Pelaksanaan	5
Keberkesanan Kos	5
Komitmen Pengurusan Atasan	5
Jumlah keseluruhan	100

Proses Penilaian dan Pemilihan Penerima AIPA

i. Peringkat Pertama : Tapisan oleh Pihak Urus Setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat urus setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan.

ii. Peringkat Kedua : Penilaian Inovasi Berasaskan Laporan

Semua inovasi yang diterima akan dinilai oleh Panel Penilai yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang dipilih dan dilantik khas.

Pada peringkat ini, penilaian akan dibuat berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- a. Maklumat ringkas mengenai agensi, bahagian, seksyen atau unit yang memperkenalkan inovasi;
- b. Penerangan mengenai inovasi yang dilaksanakan, bagaimana ia diperkenalkan dan objektifnya;
- c. Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan dan masalah-masalah yang dihadapi;
- d. Hasil inovasi, lokasi dan tempoh pelaksanaannya sama ada secara penuh atau percubaan; dan
- e. Faedah-faedah inovasi mengikut kriteria yang ditetapkan.

iii. Peringkat ketiga: Penilaian Inovasi yang Disenaraipendekkan Berasaskan Taklimat

Pada peringkat ini, inovasi yang disenaraipendekkan oleh Panel Penilai di peringkat kedua akan dijemput untuk memberi taklimat serta demonstrasi mengenai inovasi masing-masing. Taklimat ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang dinyatakan dalam laporan.

Berasaskan taklimat dan demonstrasi tersebut, Panel Penilai yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah MAMPU akan menyediakan senarai pendek inovasi yang diperakukan sebagai penerima Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam. Jika perlu, inovasi di dalam senarai pendek tersebut akan dirujuk kepada agensi-agensi pakar yang berkenaan untuk dibuat penilaian teknikal sebelum senarai pendek tersebut dimuktamadkan.

iv. Peringkat keempat: Penilaian teknikal oleh Agensi Pakar Rujuk (jika perlu)

Pada peringkat ini, agensi-agensi pakar yang berkenaan akan dijemput untuk membuat penilaian teknikal ke atas inovasi yang telah disenaraipendekkan oleh Panel Penilai. Lawatan akan turut dibuat ke lokasi bagi meneliti dengan lebih mendalam dari aspek-aspek teknikal yang berkaitan. Berdasarkan hasil penilaian teknikal ini, Panel Penilai akan memperakukan penerima-penerima AIPA.

v. Peringkat kelima : Keputusan Muktamad Penerima Anugerah Inovasi oleh Panel Memajukan Pentadbiran Awam (PANEL)

Senarai perakuan yang telah dipersetujui oleh Ketua Pengarah MAMPU akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Panel Memajukan Pentadbiran Awam (PANEL) untuk keputusan muktamad.

**BORANG PERMOHONAN
ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN AWAM (AIPA)**

1. Maklumat Agensi Yang Memohon:

Nama Agensi: _____

Alamat: _____

No. Telefon: _____ **No. Faks :** _____

2. Tajuk Projek/Inovasi:

3. Nama Pegawai Bertanggungjawab Untuk Dihubungi:

Nama : _____

Jawatan : _____

Telefon: _____ **No. Faks :** _____

Emel: _____

4. Nama, Tandatangan Ketua Agensi dan Cop Agensi:

_____ **Tarikh:** _____